



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	1/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	JAB. PERHUTANAN SABAH		

Rampas kulit kayu tangar RM420k

HM, 1 Okt
2021 16

Kudat: Pasukan Polis Marin (PPM) daerah ini merampas kulit kayu tangar di kawasan bakau di Sungai Mengkapung Pitas di sini, dalam satu operasi Op Khazanah Bersepadu, kelmarin.

Operasi jam 3 petang itu merampas kulit kayu tangar dianggarkan bernilai RM420,000 berdasarkan harga pasaran semasa.

Pegawai Pemerintah Pasukan Polis Marin Kudat, Asisten Superintendan Cyril Douglas berkata, hasil pemantauan dan risikan mendapati ada pondok didirikan secara

haram dalam kawasan bakau Sungai Mengkapung Pitas.

Katanya, siasatan mendapati pondok itu dipercayai dijadikan tempat pengumpulan kulit kayu tangar sebelum dibawa keluar untuk dijual ke negara jiran.

“Satu serbuan dilakukan di lokasi itu dan menemukan kulit kayu tangar dipercayai diambil secara haram.

“Semua kulit kayu dirampas sebelum dirujuk kepada Jabatan Perhutanan Pitas untuk tindakan lanjut,” katanya.



ANGGOTA PPM Kudat memeriksa lokasi yang diserbu dalam Op Khazanah Bersepadu, kelmarin.